

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini bertujuan untuk membincangkan serta merumuskan dapatan yang diperolehi dalam kajian ini dan seterusnya memberi beberapa cadangan. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kaedah Gerak Kerja Kumpulan sesuai dipraktikkan bagi menghasilkan folio Pendidikan Seni Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Selain daripada itu, kajian ini juga ingin melihat perbandingan antara kaedah Gerak Kerja Kumpulan dan penghasilan folio secara individu.

5.2 KEBERKESANAN KAEDAH KERJA KUMPULAN

Motif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah kerja kumpulan dapat membantu pelajar-pelajar menghasilkan folio dengan kreatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar berkemampuan mengaplikasikan lakaran idea

yang kreatif berdasarkan tajuk-tajuk yang ditetapkan dalam menghasilkan folio secara berkumpulan selama 3 X 80 minit. Pelajar-pelajar memilih rakan yang paling sesuai untuk kumpulan mereka dan boleh berkongsi idea bagi menghasilkan folio yang lebih berkualiti. Pelajar dapat membantu rakan dan membimbing rakan sebaya. Kerja kumpulan dapat membantu pelajar berfikir secara lebih kritis dan kreatif.

Perbincangan dalam kumpulan juga berupaya mengubah prestasi, idea dan lakaran yang dihasilkan oleh pelajar dalam folio mereka. Kebanyakan kumpulan telah dapat menghasilkan lakaran idea dengan kreatif.

Penggunaan format folio yang dikawal membawa implikasi yang baik kepada kepada pelajar semasa menghasilkan lakaran idea mengikut format yang disediakan. Motif kulit siput dilukis dalam bentuk 3 dimensi kemudian diperkembangkan sehingga menghasilkan karya akhir yang kreatif.

Semasa Gerak Kerja Kumpulan dijalankan, beban kerja dikongsi bersama ahli kumpulan dan mereka telah menunjukkan kerjasama yang

baik dalam menghasilkan folio Pendidikan Seni yang menarik sama ada di luar dan di dalam kelas. Pelajar-pelajar juga telah menyiapkan tugas dengan lebih sistematik dan menjimatkan masa.

Persaingan di antara kumpulan juga berjaya mengwujudkan motivasi instrinsik dan ekstrinsik di kalangan pelajar. Demi menghasilkan projek folio Pendidikan Seni yang lebih menarik, mereka telah berlumba-lumba menyiapkan kerja. Persaingan ini mungkin juga untuk mendapatkan gred yang lebih tinggi berbanding dengan ujian-ujian yang lepas.

5.3 CADANGAN

Kajian lanjutan terhadap proses menghasilkan folio secara kumpulan perlu diperluaskan dalam bidang lain selain daripada tajuk reka cipta yang terdapat dalam kerja kursus berbentuk folio PKSM.

Tempoh masa pelaksanaan kerja kursus perlu dipanjangkan lagi dan bilangan pelajar bagi setiap kumpulan boleh ditambah bilangannya untuk mendapat keputusan yang lebih baik.